

# Asia mesti berani tolak idea Barat bawa mudarat: PM

Daripada M Thillinadan

BH 10 JUN 2000

TOKYO, Jumaat – Asia mesti berani menolak idea, ideologi atau sistem yang dikemukakan Barat jika ia didapati tidak sesuai serta membawa kemudaratn kepada kebebasan, kemerdekaan atau kedaulatan rakyatnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Asia perlu tegas, berani dan bersatu untuk bersuara serta menuntut hak masing-masing.

Beliau berkata, Asia perlu belajar daripada sejarah dan melihat idea baru Barat dengan perasaan curiga dan menerimanya hanya selepas mengkaji secara teliti, menguji serta mengubah suai atau menolaknya jika hasilnya tidak seperti dijanjikan.

“Asia juga tidak boleh menjadi terlalu fanatik dengan sesuatu ideologi dan teori ekonomi yang dikemukakan Barat seperti globalisasi,

kadar pertukaran terapung, kebebasan, hak asasi manusia dan demokrasi.

“Di negara Barat, jika sesuatu barang yang dibeli pengguna tidak seperti dijanjikan, mereka boleh saman berjuta ringgit, tetapi kita tidak boleh saman jika teori, dasar atau ideologi yang mereka (Barat dan rejim kewangan antarabangsa) ‘jual’ kepada kita tidak menjadi atau memusnahkan kehidupan kita.

“Jadi, tolak mereka (negara Barat dan rejim kewangan antarabangsa) jika sistem mereka ada kelemahan. Jangan takut untuk membuangnya dan minta ‘pampasan’ jika ada cacatan.

“Kita rakyat Asia patut memulakannya (tunjuk keberanian dan menolak) rejim kewangan antarabangsa. Jika mereka tidak menerima cadangan kita atau pembaharuan, maka

kita serahkan balik keseluruhannya kepada mereka.

“Oleh kerana mereka berpakat menentang kita, kita patut sekurang-kurangnya membentuk forum kita sendiri, Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), sebagai perlindungan,” katanya dalam ucapan utama pada Persidangan Antarabangsa Nikkei Keenam bertajuk ‘Masa Depan Asia’, di sini hari ini.

Persidangan dua hari itu dihadiri kira-kira 1,000 ahli perniagaan, pelajar dan tokoh politik dari seluruh dunia.

Sambil menegaskan masa depan Asia terletak kepada Asia, Dr Mahathir berkata: “Kita boleh menjadikannya yang terbaik. Kita boleh menjadikan abad ini, abad Asia, walaupun saya sendiri tidak menggalakannya. Kita perlu menjadikan abad ini abad dunia, iaitu kejayaan

dan kemakmuran untuk semua”.

Perdana Menteri berkata, Asia mempunyai banyak pengalaman dan mampu menguasai apa saja yang dikatakan moden.

“Jika Asia sanggup berbuat demikian, masa depan Asia akan menjadi cerah, Asia akan menjadi kuasa baru. Ciptaan Asia, industri Asia, kemahiran pengurusan Asia dan kerajaan Asia akan menjadi model kepada dunia.

“Kita (Asia) tidak akan memopolinya, tetapi kita juga tidak akan membenarkan diri kita dipermainkan. Ini semua tidak akan menjadi kenyataan jika kita hanya menunggu,” katanya.

Beliau berkata, idea globalisasi, kadar pertukaran terapung, pelbagai ideologi politik yang dikemukakan Barat

**LIHAT MUKA 2**

# Pasaran terbuka beri kesan buruk kepada Asia

BH 10 JUN 2000  
DARI MUKA 1

tanpa perbincangan dengan Asia, akan merampas kemerdekaan, kehormatan dan maruah Asia, jika diguna pakai tanpa penelitian dan kajian rapi.

Katanya, idea globalisasi, dunia tanpa sempadan sudah mula menunjukkan kesan buruk apabila memusnahkan nilai beberapa mata wang Asia.

“Pergerakan pasaran modal mungkin lebih bebas dan barang mungkin menjadi lebih murah, tetapi apakah akibatnya jika syarikat dan bank yang menjadi semakin besar melalui penggabungan memasuki negara membangun sebaik saja Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) memaksa mereka membuka pasarannya.

“Syarikat kecil akan ‘hilang’ dan keperluan tenaga kerja, khususnya yang tidak mahir akan lenyap. Akhirnya, syarikat gergasi akan menguasai dasar dan kerajaan negara berkenaan.

“Bagaimana jika negara berkuasa menggunakan syarikat gergasi mereka untuk menguasai negara lain, menakluk mereka,” tanya beliau.

Dr Mahathir berkata, jika itu berlaku, Asia akan kehilangan kemerdekaan, maruah dan kehormatannya serta menjadi medan bagi menguji teori dan senjata api kuasa besar.

“Asia akan menjadi tidak stabil, ekonomi akan jatuh, hubungan antara negara Asia juga akan menjadi renggang. Keadaan di Asia akan menjadi tegang hanya menunggu untuk ‘meletup’.

“Itulah yang akan berlaku kepada Asia jika negara-negara Asia dengan suci hati membuka pintunya dan membenarkan syarikat mega mengambil alih segala-galanya,” katanya.

Menjawab soalan seorang peserta persidangan, Dr Mahathir berkata jika Asia belajar daripada sejarah lampaunya, ia boleh keluar daripada krisis itu dalam tempoh lima hingga 10 tahun, malah menjadi lebih kuat daripada sebelum krisis.